- Harga Kontrak : RM2860,000.00
- Kos Projek (ATDA) : RM3,008,329.00
- Tarikh Milik Tapak : 15 Oktober 2018
- Tarikh Siap Asal : 31 Disember 2018
- Tarikh Siap Sebenar : 21 Disember 2018

### SKOP PROJEK

Bil	Nama Sekolah	Bil Bilik Darjah	Kerja-kerja luar
1	SK Presint 14(1)	3	Laluan Berbumbung, dan Pagar Penghadang Bola
2	SK Presint 17(1)	6	Laluan Berbumbung
3	SK Presint 18(1)	5	Laluan Berbumbung, dan Pagar Penghadang Bola
4	SK Presint 18(2)	3	Laluan Berbumbung, dan Pagar Penghadang Bola



SK Presint 14(1)



SK Presint 18(1)



SK Presint 18(2)



SK Presint 17(1)

# SESI BENGKEL PROJECT LESSONS LEARNED (JKR W.P. PUTRAJAYA) 2020

TARIKH : 4, 5 & 6 September 2020

TEMPAT : Lexis PD, Port Dickson

## FASILITATOR :

1. Sr Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah
2. Mohammad Syahmi Bin Abdullah

## PESERTA :

1. Dato' Ir Haji Habbali bin Ibrahim
2. Hanifah binti Abdullah
3. Aminah binti Abdullah
4. Nuur Fadzilah binti Md Noor
5. Siti Norbaiti Binti Mohd Yusuf
6. Rosleen bin Kasim
7. Zahidawaty binti Abd Rahman
8. Mohd Zul Azrien bin Ibrahim



### A. Perancangan

#### PERKARA YANG BERJALAN LANCAR

- Proses perolehan telah berjalan lancar Permohonan Pengarah JKR WPP untuk melantik kontraktor G6/G7 walaupun kos projek untuk G3/G4 diluluskan oleh MOF
- Permohonan JKR untuk memendekkan tempoh perolehan selama 10 hari sahaja berbanding 21 hari sebelumnya PK2 diluluskan oleh MOF
- Komitmen pengurusan atasan di JKR Ibu Pejabat dalam pelaksanaan projek
- Membahagikan pelaksanaan projek kepada dua pakej bagi memastikan projek dapat disiapkan sebagaimana kehendak pelanggan.
- Menggunakan teknologi sebagai medium komunikasi di peringkat KPM, KKR, Ibu Pejabat JKR Malaysia dan JKR WP Putrajaya.
- Kaedah pelaksanaan cara self contained membantu dalam kawalan dan komunikasi antara HOPT dan HODT
- Skop projek yang diberikan oleh pihak pelanggan jelas dan mudah diterjemahkan

#### LESSON LEARNED

- Komitmen pengurusan atasan yang berterusan sebelum dan semasa peringkat pembinaan.
- JKRWPP sebagai HOPT, HODT dan S.O
- MOF menurunkan kuasa untuk membolehkan KPKR menentukan kaedah pelaksanaan terbaik untuk projek Fast Track.

#### PERKARA YANG BOLEH DIPERBAIKI

- Kerajaan menyediakan polisi-/dasar untuk projek-projek fast track
- MOF menurunkan kuasa kepada KPKR untuk menentukan kaedah pelaksanaan terbaik bagi projek fast track tanpa perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang ada. Bagi membolehkan penyampaian projek fast track yang lebih baik pada masa akan datang.
- Survey, utility mapping dan SI disediakan lebih awal

### B. Rekabentuk

#### PERKARA YANG BERJALAN LANCAR

- JKR WPP telah mengadakan mesyuarat dengan semua PBT yang terlibat (BOMBA dan PJC) dan Kelulusan Bersyarat diperolehi;
  - a) Bangunan adalah jenis sementara
  - b) Pembinaan dibenarkan serentak dengan pengemukaan pelan untuk kelulusan PJC dan BOMBA
- Projek ini menggunakan Lukisan dan BQ PAP selanjutnya ianya mempercepatkan proses rekabentuk dan penyediaan Dokumen Tender.

#### LESSON LEARNED

- Lukisan terbina dan lukisan survey disimpan di dalam softcopy oleh pentadbiran sekolah dan PJC untuk mempercepatkan proses menyediakan lukisan tapak.
- Peralatan ICT yang high-end dan mencukupi untuk menyediakan lukisan.
- Proses lantikan bagi Kajian awalan (SI, Kerja Ukur dan utility mapping dilaksanakan oleh pihak pelanggan)

#### PERKARA YANG BOLEH DIPERBAIKI

- Proses lantikan bagi Kajian awalan (SI, Kerja Ukur dan utility mapping dilaksanakan oleh pihak pelanggan)
- Lukisan terbina dan lukisan survey disimpan di dalam softcopy oleh pentadbiran sekolah dan PJC untuk mempercepatkan proses menyediakan lukisan tapak.
- Peralatan ICT yang high-end dan mencukupi untuk menyediakan lukisan.

### C. Perolehan

#### PERKARA YANG BERJALAN LANCAR

- Permohonan daripada Pengarah JKR WPP kepada pengarah CKUB untuk Lembaga perolehan bersidang dengan kadar cepat disebabkan projek ini dikategorikan sebagai projek fast track telah mendapat kerjasama yang baik
- Proses penilaian tender dalam masa sehari dengan menggunakan sistem cut off. Melibatkan:
  - 53 petender untuk pakej 1
  - 48 petender untuk pakej 2

#### LESSON LEARNED

- Komitment semua stakeholder untuk mempercepatkan proses perolehan ( KPKR, TKPKR, Pengarah CKP, Pengarah CKUB, Pengarah JKR WP Putrajaya, KKR, dan Staff daripada BKUB, JKR WPP)

#### PERKARA YANG BOLEH DIPERBAIKI

- Pelaksanaan tender terhad (hanya kontraktor yang berpengalaman melaksanakan projek sekolah daif)

## D. Pembinaan

### PERKARA YANG BERJALAN LANCAR

- Proses kelulusan bahan cepat berdasarkan kelulusan bahan sekolah daif terdahulu
- Pelaksanaan kerja-kerja ditapak dilaporkan dan dipantau setiap hari oleh Pengarah JKR WP Putrajaya, PTB dan Project Team
- Komitmen klien dan kerjasama baik dalam melancarkan pembinaan seperti
  - Memberikan kebenaran jalan masuk ke tapak
  - Memindahkan dewan peperiksaan semasa peperiksaan SPM
- Komitmen kontraktor dalam memberikan tindakbalas ke atas komen dan ulasan PTB berkaitan kualiti di tapak dan melaporkan kemajuan harian di tapak
- Permohonan JKR untuk membuat bayaran melebihi tarikh akaun ditutup dibenarkan sehingga 31 Disember 2020
- Kewangan kontraktor stabil
- Komitment tinggi kontraktor (Owner syarikat kerap berada di tapak dan menghadiri mesyuarat)
- Mesyuarat tapak dipengerusikan oleh Pengarah JKRWPP setiap minggu

### LESSON LEARNED

- JKR mengeluarkan senarai pembekal bahan yang diluluskan. Oleh itu kontraktor tidak perlu mencari bahan-bahan binaan dipasaran
- Penubuhan pasukan projek khas bagi setiap projek fast track
- Penambahbaikan proses SPB dan mengamalkan best practice project management
- Penglibatan daripada Peringkat Atasan (Pengarah JKR WP Putrajaya dan JAPK) membantu dalam mempercepatkan proses membuat keputusan di tapak

### PERKARA YANG BOLEH DIPERBAIKI

- Pemilihan pembekal / produk / bahan berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh JKR.
- Penubuhan pasukan projek khas bagi setiap projek fast track di kalangan kakitangan JKR WP Putrajaya

### E. Penyerahan

#### PERKARA YANG BERJALAN LANCAR

- Majlis serahan kepada YB Menteri KPM oleh KPKR
- Serahan 3 in 1 (SOFA, As-built, CPC)
- Serahan awal (10 hari) Asal 31.12.2018 Sebenar 21.12.2018
- Serahan kepada pelanggan tanpa major defect.
- Bantuan Bah. Komunikasi Korporat (BKK) JKR untuk tujuan promosi di media.
- Pengiktirafan projek cemerlang oleh KPM.
- Penghargaan JKR kepada kontraktor

#### LESSON LEARNED

- Surat penghargaan kecemerlangan JKR dalam melaksanakan projek dari KSU KPM.

#### PERKARA YANG BOLEH DIPERBAIKI

- Serahan Bersama – IBS score, coffee table, list of defect, serahan awal tanpa EOT.
- Sediakan media-kit semasa acara penyerahan (bantu menjelaskan penglibatan JKR dalam kejayaan projek)
- Penghargaan kepada pasukan projek dari pihak atasaran JKR / Menteri.

## LESSONS LEARNED: 35 BILIK DARJAH KONSEP

### K E S I M P U L A N

Berdasarkan analisa bagi pelaksanaan project Lesson Learnt Pembinaan 35 Bilik Darjah Konsep Di Sekolah-Sekolah Rendah Di Wilayah Persekutuan (Pakej 1 & Pakej 2) Putrajaya terdapat beberapa penemuan yang boleh dijadikan iktibar dan panduan bagi penambahbaikan perlaksaan projek pada masa akan datang.

Penemuan-penemuan tersebut adalah seperti berikut :

1. Pihak MOF menambah baik polisi atau dasar untuk projek-projek fast track. Prosedur untuk projek - projek fast track disediakan atau dinyatakan secara terperinci.
2. Penyelarasian dan pematuhan garis panduan oleh PBT perlu dilaksanakan oleh pihak JKR bagi mendapatkan permohonan kelulusan dengan kadar segera.



# AKTIVITI TAHUNAN

- 1. PROJEK
- 2. PROGRAM
- 3. LAWATAN
- 4. ANUGERAH

05



# **1. PROJEK**

JANUARI

FEBRUARI

MAC \ PKP 1.0

APRIL \ PKP 1.0

MEI \ PKPB

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

TARIKH	: 07 Januari 2020 (Selasa)
LOKASI	: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
PELANGGAN	: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
KONTRAKTOR	: KATHS ENGINEERING & CONSTRUCTION

Majlis Penyerahan & Perasmian Taska bagi Projek Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Taska Aras 1, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Presint 4, Putrajaya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Habbali Bin Ibrahim, Pengarah JKR WPP, kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Jailani Bin Muhammed Yunus, Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Binti Harun.

Pihak JKR WPP ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kontraktor KATHS ENGINEERING & CONSTRUCTION yang telah berjaya melaksanakan projek ini dengan sempurna dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pihak JKR juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KPLB kerana memberi kepercayaan sepenuhnya di atas kebolehan pihak JKR dalam melaksanakan projek ini.



# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK UBAHSUAI TANDAS DI PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH JPPH MALAYSIA, DI BLOK 2M11, LOT 2G8, PUTRAJAYA

PROJEK



TARIKH	: 14 Januari 2020 (Selasa)
TEMPOH KONTRAK	: 2020 - 2025
KONTRAKTOR	: 1) D' Intan Trade Sdn Bhd 2) Pantai Jeram (M) Sdn Bhd 3) Usaha Delima Resources Sdn Bhd

Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) melibatkan 3 kontrak baru telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sesi penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah JKR WPP, Ybrs. Ir. Ibtisham Bin L. Saleh kepada kontraktor yang berjaya iaitu :-

- 1) Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Di Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) Dan Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM) Di Lot 4G4, Presint 4 Putrajaya. – D' Intan Trade Sdn Bhd
- 2) Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Di Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) Dan Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM) Di Lot 4G4, Presint 4 Putrajaya. – Pantai Jeram (M) Sdn Bhd
- 3) Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Di Kementerian Air, Tanah Dan sumber Asli (KATS) Di Lot 4G3, Presint 4 Putrajaya. – Usaha Delima Resources Sdn Bhd

JANUARI

FEBRUARI

PKP 1.0 / MAC

PKP 1.0 / APRIL

PKPB / MEI

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

JANUARI

FEBRUARI

MAC \ PKP 1.0

APRIL \ PKP 1.0

MEI \ PKPB

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

TARIKH : 15 Januari 2020 (Rabu)  
TEMPOH KONTRAK : 2020 - 2025  
KONTRAKTOR : Barisan Semarak Sdn. Bhd.

Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) melibatkan kontrak baru FM di Blok E4/5, Kompleks E, Putrajaya telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya dan telah disempurnakan oleh YBhg. Ir. Hj. Habbali Bin Ibrahim selaku Pengarah JKR WPP kepada kontraktor yang berjaya iaitu :-

- 1) Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Di Blok E4/5, Kompleks E, Putrajaya  
- Barisan Semarak Sdn. Bhd.



# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK UBAHSUAI TANDAS DI PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH JPPH MALAYSIA, DI BLOK 2M11, LOT 2G8, PUTRAJAYA


PROJEK



<b>TARIKH</b>	: 13 Mac 2020 (Jumaat)
<b>LOKASI</b>	: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Ibu Pejabat JPPH
<b>PELANGGAN</b>	: Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH)
<b>KONTRAKTOR</b>	: ADNAN ENTERPRISE



Majlis dihadiri oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Sr Haji Mohd Khairudin Bin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), Sr Abdul Razak Bin Yusak, Timbalan Pengarah JKR WPP, Ir. Ibtisham Bin L. Saleh, ketua-ketua bahagian, pihak kontraktor Adnan Enterprise dan juga kakitangan-kakitangan JKR WPP dan JPPH Malaysia yang terlibat dengan penyiapan projek ini. Timbalan Pengarah JKR WPP. Pihak JKR WPP mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penyiapan projek ini terutama kepada pihak kontraktor Adnan Enterprise kerana berjaya menyiapkan projek ini mengikut masa yang ditetapkan serta berkualiti. Pihak JKR WPP juga mengucapkan terima kasih kepada pihak JPPH kerana memberi kepercayaan serta kerjasama dalam penyiapan projek ini.



# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN PEJABAT OPERASI WILAYAH JABATAN PERANGKAAN, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DI ARAS 2, BLOK D5, KOMPLEKS D

- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI**
- Ogos
- SEPTEMBER
- OKTOBER
- NOVEMBER
- DISEMBER

TARIKH	: 14 Julai 2020 (Selasa)
LOKASI	: Pejabat Operasi Wilayah Jabatan Perangkaan Aras 2, Blok D5, Kompleks D
PELANGGAN	: Jabatan Perangkaan Malaysia
KONTRAKTOR	: MUTIARA KATH SERVICES

Majlis yang telah disempurnakan oleh Puan Hanifah binti Abdullah, Jurutera Elektrik Penguasa Kanan, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya. JKR Putrajaya telah melantik Kontraktor Mutiara Kath Services bagi menyempurnakan kerja-kerja pengubahsuaian. Tarikh masuk tapak pada 8 November 2019 dan tarikh siap pada 21 Jun 2020. Skop kerja yang terlibat adalah menyediakan bilik mesyuarat, menyediakan bilik pegawai, menyediakan bilik fail, mencuci karpet, kerja- kerja elektrik dan mekanikal yang berkaitan.



# PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) KONTRAK PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN DI BLOK 2M10 & 2M11, LOT 2G8, PRESINT 2, PUTRAJAYA


PROJEK



TARIKH : 12 September 2020 (Rabu)  
TEMPOH KONTRAK : 2020 - 2025  
KONTRAKTOR : MIZURA SDN. BHD.



Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya telah menyempurnakan sesi penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Dokumen Kontrak (2 dalam 1) bagi Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Di Kementerian Kewangan Malaysia bagi Tahun 2020 Sehingga 2025. Kontrak ini akan bermula pada 15hb September 2020 dan tamat pada 14 September 2025. Penyerahan 2 dalam 1 ini diserahkan kepada kontraktor yang berjaya iaitu Mizura Sdn. Bhd. Kontrak ini julung kalinya menggunakan Deposit Bon bagi kelayakan kontraktor yang masuk.



JANUARI

FEBRUARI

MAC PKP 1.0

APRIL PKP 1.0

MEI PKPB

JUN

JULAI

OGOS

**SEPTEMBER**

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

<b>TARIKH</b>	: 21 September 2020 ( Isnin )
<b>LOKASI</b>	: Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
<b>PELANGGAN</b>	: Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
<b>KONTRAKTOR</b>	: KERAYONG INDAH ENTERPRISE


Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha En. Ahmad Jalil bin Jaafar, Timbalan Pengarah JKR WPP, kepada Yang Berusaha Tn Hj Abd Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah Dasar Dan Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini telah seleksi perlaksanaanya pada 09 September 2020 dimana ia telah menepati tempoh perlaksanaan asal selama lima minggu bermula dari tarikh milik tapak pada 05 Ogos 2020. Selain itu, skop kerja yang terlibat dalam perlaksanaan projek ini merangkumi kerja-kerja membina built-in cabinet, pemasangan karpet, pemasangan roller blind, pemasangan LCD Projector & Motorised Screen dan Pemasangan Wall Paper baru. Tempoh DLP untuk projek ini adalah selama enam bulan selepas projek ini disiapkan.





<b>TARIKH</b>	: 24 September 2020 (Khamis)
<b>LOKASI</b>	: Surau Ali Bin Abu Talib, Aras Concourse Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.
<b>PELANGGAN</b>	: Jabatan Peguam Negara

Majlis penyerahan siap kerja surau Ali Bin Abu Talib diantara Bahagian Senggara Zon 3, Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya kepada Jabatan Peguam Negara telah berlangsung pada 24 September 2020 bertempat di Surau Ali Bin Abu Talib, Aras Concourse, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Kerja-kerja menaiktaraf Surau Ali Bin Abu Talib melibatkan penggantian kemasan lantai di tempat wudhuk lelaki dan perempuan di surau Ali Bin Abu Talib kepada jenis highly skid resistance pebble wash bersaiz 15mm - 30mm , kerja-kerja penggantian karpet di surau Ali Bin Abu Talib, Kompleks Jabatan Peguam Negara (Lot 4G7) kepada jenis 100% fibre dan berketeduhan di antara 9mm - 10mm dan penggantian tirai separator di surau Ali Bin Abu Talib, Kompleks Jabatan Peguam Negara (Lot 4G7) kepada jenis black off curtain dari bahan polyester dengan hanging jenis railing.



# PROJEK

## PENYERAHAN PROJEK CADANGAN PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT CAWANGAN PENGURUSAN KEWANGAN, ARAS 1, IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, PRESINT 7, PUTRAJAYA

- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI
- OOGOS
- SEPTEMBER
- OKTOBER**
- NOVEMBER
- DISEMBER

TARIKH	: 01 Oktober 2020 (Khamis)
LOKASI	: Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat
PELANGGAN	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
KONTRAKTOR	: TEAM FORCE ENGINEERING

Majlis Penyerahan Projek Cadangan Pengubahsuaian Ruang Pejabat Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Presint 7, Putrajaya ini telah diadakan pada 1hb Oktober 2020 (Khamis). Majlis dihadiri oleh Yang Berusaha, Timbalan Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, En. Ahmad Jalil Bin Jaafar dan Yang Berusaha, Ketua Penolong Pengarah Sumber Manusia Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, En. Mustapha Bin Abd. Kadir dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya. Majlis turut dihadiri oleh pihak kontraktor, En. Mohd Norisan Bin Othman selaku pengurus projek Team Force Engineering.

Pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan di Pejabat Cawangan Pengurusan Kewangan, Aras 1, Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Presint 7, Putrajaya bermula pada tahun 01hb Julai 2020 dan telah dapat disiapkan pada 10hb September 2020 iaitu selama 10 minggu dimana skop projek ini adalah melibatkan pengubahsuaian ruang pejabat iaitu Bilik Bin-cang, empat Bilik Pegawai, hiasan dalaman, kerja-kerja elektrik dan mekanikal.



# MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN BILIK KEWANGAN DAN KERJA MENAIK TARAF SISTEM RANGKAIAN SETEMPAT (LAN) BAHAGIAN PENTADBIRAN MASJID PUTRA, PUTRAJAYA



TARIKH	: 20 November 2020 (Jumaat)
LOKASI	: Bahagian Pentadbiran Masjid Putra, Putrajaya
PELANGGAN	: Masjid Putra, Putrajaya

Pelaksanaan kedua-dua projek ini telah dilaksanakan di Bahagian Pentadbiran Masjid Putra, Putrajaya bermula pada 14hb Julai 2020(Bilik Kewangan) dan 15hb Julai 2020(LAN) telah disiapkan mengikut masa yang ditetapkan pada 05hb Oktober 2020 dan 06hb Oktober 2020 iaitu selama 12 minggu bagi . Dimana skop projek ini adalah pembinaan Bilik Kewangan berserta dengan Bilik Bincang, Kaunter Serahan Duit dan Penukaran Siling di Keseluruhan Ruang Pejabat manakala skop kerja bagi projek LAN adalah menaik taraf Rangakaian Setempat di Bahagian Pentadbiran melibatkan pendawaian point IT baru, wifi dan server baru Masjid Putra.

## PROJEK

JANUARI

FEBRUARI

PKP 1.0 / MAC

PKP 1.0 / APRIL

PKPB / MEI

JUN

JULAI

Ogos

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER



TARIKH  
LOKASI

: 25 November 2020 (Rabu)  
: Mezanine Kanan, Aras M, Blok G,  
Ibu Pejabat JKR

**T**elah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Setujuterima Tender (SST) dan penyerahan surat rasmi perlantikan Pengarah Projek dan Pegawai Penguasa bagi projek-projek Cawangan Kerja Pendidikan (CKP) seperti berikut :-

1. Pembinaan Tambahan 35 Bilik Darjah Di Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Reka & Bina)
2. Pembinaan Sekolah Baharu 30 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Jembal, Kuala Terengganu, Terengganu (Tawaran Semula)
3. USM - Menaiktaraf, Membaikpulih & Mengubahsuai Infrastruktur Dan Kemudahan Hospital USM Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan (Reka & Bina)

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya, dengan penyerahan dokumen Surat Setujuterima Tender (SST) kepada kontraktor yang berjaya iaitu; MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (MRCB), SEKILAU BINA SDN. BHD dan KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD serta penyerahan surat pelantikan Pengarah Projek dan Pegawai Penguasa kepada Pengarah JKR Wilayah Putrajaya.




# PENYERAHAN PROJEK CADANGAN PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT, ARAS 7 UTARA, IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PRESINT 2, PUTRAJAYA.

PROJEK



TARIKH	: 25 November 2020 (Rabu)
LOKASI	: Bilik Latihan Center Of Excellence (COE)
PELANGGAN	: Jabatan Imigresen Malaysia
KONTRAKTOR	: KATHS ENGINEERING & CONSTRUCTION

Penyerahan projek ini oleh YBrs Ir Anita Bin Mohamed Shafie Pengarah JKR WP Putrajaya kepada Yang Berbahagia Dato' Makhzan bin Mahyuddin, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Projek ini telah selesai pelaksanaannya pada 18 November 2020 menepati tempoh pelaksanaan selama 11 minggu, projek bermula dari tarikh milik tapak pada 1 September 2020.



# MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN DOKUMEN KONTRAK (SECARA 2 IN 1) BAGI KONTRAK PENGURUSAN FASILITI & PENYENGGARAAN HOUSEKEEPING DAN PEST CONTROL

- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI
- OGOS
- SEPTEMBER
- OKTOBER
- NOVEMBER
- DISEMBER**

TARIKH	: 17 Disember 2020 (Khamis)
LOKASI	: Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Perancangan Korporat, Aras 7 Utara (JKDM)
PELANGGAN	: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
KONTRAKTOR	: TEKNIK LK ENTERPRISE

Yang Berusaha, Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, Ir. Anita Binti Mohamed Shafie memaklumkan pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 04hb September 2020 dan telah disiapkan pada 17hb November 2020 iaitu selama 10 minggu di mana skop projek ini adalah melibatkan pengubahsuaian ruang pejabat iaitu Bilik Mesyuarat, Bilik Pegawai, Bilik Utiliti, Ubahsuai Meja Mesyuarat, kerja-kerja elektrik dan mekanikal. Yang Berusaha, Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tuan Abdull Wahid Bin Sulong telah merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak JKR WP Putrajaya, pihak kontraktor Teknik LK Enterprise, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Beliau berpuas hati dengan penyiapan projek mengikut tempoh yang ditetapkan dan berharap agar kerjasama ini dapat terus dikekalkan.



# MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN DOKUMEN KONTRAK (SECARA 2 IN 1) BAGI KONTRAK PENGURUSAN FASILITI & PENYENGGARAAN HOUSEKEEPING DAN PEST CONTROL

PROJEK



Bertempat di JKR WP Putrajaya pada 22 Disember 2020, telah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan dokumen kontrak (secara 2 in 1) bagi Kontrak Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan Housekeeping dan Pest Control di bawah pelaksanaan JKR WP Putrajaya bagi kerja-kerja seperti berikut:

1. Kontrak Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan di Kompleks Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi tahun 2021 sehingga 2025.
2. Kerja-kerja Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan termasuk kerja-kerja Housekeeping dan Pest Control untuk bangunan blok E1, E3, E6, E7, E10 dan Auditorium (EAD), Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
3. Kerja-kerja Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan termasuk kerja-kerja Housekeeping dan Pest Control untuk bangunan blok E2, E8, E9, E11, E12, E13, E14 dan E15 Kompleks E, Kementerian Pendidikan Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Penyerahan Surat Setuju Terima ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya, dengan penyerahan dokumen Surat Setuju Terima (SST) Tender kepada kontraktor yang berjaya.





## **2. PROGRAM**

JANUARI

FEBRUARI

MAC \ PKP 1.0

APRIL \ PKP 1.0

MEI \ PKPB

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

TARIKH : 14 Februari 2020 (Jumaat)  
LOKASI : VectoLabs, Cyberjaya.

Pihak VectoLabs memperkenalkan satu produk sensor pengesan bau dan kebersihan tandas untuk membantu Masjid dari segi kepuasan dan kebersihan tandas. Menurut cadangan yang dibentangkan oleh pihak VectoLabs, satu prototype tablet akan dipasangkan di dalam tandas. Tablet tersebut berfungsi sebagai satu peralatan yang menentukan kepuasan pengguna tandas dimana tablet ini dilengkapi dengan butang penunjuk (indicator button). Pihak VectoLabs menerangkan bahawa jika salah satu butang tersebut ditekan oleh pengguna, cleaner yang ditugaskan akan dimaklumkan melalui aplikasi telegram bahawa terdapat aduan pada tandas tersebut. Di samping itu, produk ini juga dilengkapi dengan traffic counter, toilet environment sensor, fragrance spray dan BLE tag yang mempunyai fungsinya yang tersendiri antaranya sensor tersebut akan apabila mengesan gas ammonia dan H2S. Kajian ini telah berjaya dilaksanakan di Hospital Kajang.

Hasil daripada taklimat, pihak Masjid Putra bersetuju dengan cadangan untuk memasang sensor tersebut di tandas yang terdapat di Masjid Putra untuk meningkatkan lagi kepuasan pengguna selama 3 bulan bagi tempoh percubaan.





TARIKH : 17 Februari 2020 (Isnin)  
LOKASI : Jabatan Kerja Raya Perak, Ipoh, Perak.



JKR WP Putrajaya akan menghantar tiga kumpulan yang terdiri daripada dua kumpulan pengurusan dan satu kumpulan teknikal bagi merebut gelaran juara dalam pertandingan Hari Inovasi 2020 anjuran Kementerian Kerja Raya. Perkara ini merupakan rentetan kejayaan dalam merangkul gelaran Johan pada Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2019 dalam kategori Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik Tahun 2019.



JANUARI

FEBRUARI

MAC \ PKP 1.0

APRIL \ PKP 1.0

MEI \ PKPB

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

TARIKH : 18 Februari 2020 (Selasa)  
LOKASI : Blok C7, Kompleks C

Bermula pertengahan Februari 2020, pejabat JKRWPP telah berpindah dan mula beroperasi sepenuhnya di Blok F7, Kompleks F. Blok F7 ini yang terdiri daripada 8 tingkat yang boleh memuatkan seramai 300 kakitangan kerajaan lengkap dengan kemudahan gunasama seperti kafeteria dan taska serta ruang pejabat yang kondusif.

Pejabat JKRWPP merupakan salah satu daripada 10 blok yang terdapat di Kompleks F yang terletak di Presint 1, dikelilingi oleh Persiaran Sultan Sallehuddin Abdul Aziz Shah di barat, Lebuh Perdana Timur di selatan, PUSPA-HANAS di utara dan Sekolah Sultan Alam Shah dan GDC Plant 1 di sebelah timur pembangunan. Projek ini adalah merupakan projek PERTAMA kerajaan yang mengaplikasikan Building Infomation Modelling, BIM dari peringkat rekabentuk sehingga ke peringkat pengurusan fasiliti.

Penarafan Kompleks F

- 1) Green Building Index (GBI) - Gold rating
- 2) Construction Industry Development Board of Malaysia's (CIDB) Quality Assessment System in Construction (QLASSIC) - score 78%
- 3) Industrialised Building System (IBS) - score 70%



# TAKLIMAT 'EFFECT OF BUILDING DEFECT AND REMEDIES ON BUILDING DEFECTS'

## PROGRAM



TARIKH : 21 Februari 2020 (Jumaat)  
LOKASI : JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya  
(JKRWPP)



Sesi taklimat 'Effect Of Building Defect And Remedies On Building Defects' merupakan kerjasama di antara Bahagian Senggara Zon 3, JKR WP Putrajaya dan Kontraktor KCJ Engineering Sdn. Bhd.. Taklimat ini telah disampaikan oleh penceramah Ir. Dr. Mohd Farid Ahmad Bin Ahmad@Majid, dari syarikat Farid Ahmad Consulting Engineers (FACE) yang merupakan perunding struktur bagi kerja bangunan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA). Seramai 60 orang kakitangan JKR WP Putrajaya dan kakitangan KCJ Engineering telah turut hadir menyertai taklimat ini. Objektif taklimat ini adalah memberi pendedahan dan pengetahuan lebih mendalam lagi mengenai structure integrity dan kerosakan kepada bangunan sekiranya kerja pembaikan tidak dijalankan.

JANUARI

FEBRUARI

PKP 1.0 / MAC

PKP 1.0 / APRIL

PKPB / MEI

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER



TARIKH : 12 Mac 2020 (Khamis)  
LOKASI : Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor

Bahagian Arkitek telah menganjurkan Kursus Pengenalan dan Penggunaan Aplikasi Revit untuk Rekabentuk Projek-projek JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi Sesi 1/2020 pada 9 sehingga 11 Mac 2020. Kursus ini telah diadakan di Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor selama tiga hari. Seramai 21 orang kakitangan dari pelbagai gred terlibat menyertai kursus ini. Penceramah bagi kursus ini, En. Muhamad Hanif Bin Ibrahim yang merupakan pensyarah dari Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor.

Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai aplikasi Revit kepada semua peserta yang merupakan perekabentuk (designer) bagi projek yang terdiri daripada Arkitek, Awam, Mekanikal, Elektrikal dan Ukur Bahan. Aplikasi Revit ini boleh digunakan untuk menunjukkan kitaran hidup bangunan termasuk proses pembinaan dan pengurusan penyenggaraan dimana ianya bersesuaian dengan skop kerja utama di JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kuantiti dan kualiti dari sesuatu material juga dapat ditentukan dengan mudah berdasarkan maklumat yang boleh didapati melalui aplikasi tersebut.





TARIKH  
LOKASI

: 21 Julai 2020 (Selasa)  
: Bilik Latihan, Aras 3, JKR WP Putrajaya



Program ini melibatkan seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada semua bahagian kakitangan JKR WP Putrajaya. Motivator jemputan merupakan pegawai Cawangan Pengurusan Psikologi, Kementerian Kerja Raya iaitu En. Aswandi bin Omar.

Objektif program diadakan bagi tujuan meningkatkan motivasi diri dan semangat bekerja dikalangan kakitangan Jabatan dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik selepas tempoh Perintah Kawalan Pegerakan (PKP).



- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI
- OGOS
- SEPTEMBER**
- OKTOBER
- NOVEMBER
- DISEMBER

TARIKH : 23 September 2020 (Rabu)  
LOKASI : Bilik Latihan, Aras 6, JKR WP Putrajaya

Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan Bagi Dokumen Terperingkat telah diadakan selama 2 hari bermula 22-23 September 2020 yang melibatkan seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan profesional dan sokongan. Pihak JKR WP Putrajaya telah menjemput 2 orang penceramah daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) iaitu En. Anuar Bin Seran dan En. Mohd Rasyid Bin Che Abdullah selaku Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kefahaman kepada pegawai JKR WP Putrajaya dalam menguruskan dokumen terperingkat mengikut prosedur yang betul.

Antara kandungan kursus adalah berkenaan tatacara yang betul bagi penyimpanan serta edaran dokumen terperingkat. Selain itu peserta juga dideahkan berkenaan tugas-tugas Pendaftar Rahsia serta tindakan yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan terhadap kakitangan yang mendedahkan Dokumen Rasmi Kerajaan kepada orang yang tidak sepatutnya.



# PROGRAM KAYUHAN AMAL KE RUMAH ANAK YATIM DARUL IZZAH KAJANG



TARIKH : 26 September 2020 (Sabtu)  
LOKASI : JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya

## PROGRAM



Program Kayuhan Amal ke Rumah Anak Yatim Darul Izzah Kajang merupakan hasil kerjasama JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Jabatan Audit Negara (JAN). Program ini melibatkan seramai 37 orang peserta yang berkayuh basikal secara berkumpulan bermula dari Kompleks F, Putrajaya ke Rumah Anak Yatim Darul Izzah Kajang sejauh 11 kilometer. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi sumbangan dan menyantuni anak-anak yatim. Diharap dengan adanya program seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan silatulrahim antara kakitangan JKR WP Putrajaya serta agensi-agensi yang terlibat bersama anak-anak yatim Darul Izzah.

- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI
- OGOS
- SEPTEMBER**
- OKTOBER
- NOVEMBER
- DISEMBER

TARIKH : 29 September 2020 (Selasa)  
LOKASI : Bilik Taklimat, Aras 3, JKR WP Putrajaya


**K**ursus Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Senggara JKR WP Putrajaya telah diadakan bertempat di Bilik Taklimat Jabatan aras 3, JKR WP Putrajaya melibatkan seramai 32 orang kakitangan daripada semua bahagian senggara JKRWPP.

Kursus ini disampaikan oleh penceramah dalaman JKRWPP iaitu En. Abdul Nizam bin Abdullah Sani, Juruukur Bangunan. Objektif kursus ini diadakan bertujuan meningkatkan pemahaman peserta akan prosedur kerja serta borang-borang terkini yang terdapat dalam SPB dan TPATA bagi persediaan audit terutamanya kepada kakitangan baru.



# TAKLIMAT PENGENALAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK PENGURUSAN FASILITI & PENYENGGARAAN (COC-PWD FMM 2016)

## PROGRAM




TARIKH : 18 November 2020 (Rabu)  
LOKASI : Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, Aras 8,  
JKR WP Putrajaya



Taklimat Pengenalan Kepada Syarat-Syarat Kontrak Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan (COC-PWD FMM 2016) telah diadakan pada 18 November 2020 (Rabu) dan disampaikan oleh Sr. Zawiyah@Zalina Bt. Mat Zain, Juruukur Bahan Penguasa Kanan JKR WP Putrajaya bertempat di Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, aras 8, JKR WP Putrajaya melibatkan seramai 14 kakitangan baru JKR WP Putrajaya.

Antara kandungan taklimat ini menyentuh berkenaan pengenalan kontrak FMM meliputi skop perkhidmatan dan hala tuju serta kandungan kontrak COC FMM 2016. Semoga taklimat ini dapat memeberikan kefahaman menyeluruh kepada peserta dalam pengurusan kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan terutamanya terhadap kontrak FMM yang berlansung di Wilayah Persekutuan Putrajaya.





# 3. LAWATAN

JANUARI

FEBRUARI

MAC \PKP 1.0

APRIL \PKP 1.0

MEI \PKPB

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

Pada 10 Januari 2020, seramai 8 kakitangan Bahagian Senggara Zon 3 JKR WP Putrajaya yang diketuai oleh Jurutera Elektrik Pengguna Kanan(JEPK) iaitu En. Asha'ari bin Hj.Hasan bersama wakil kontraktor FM Masjid Putra telah mengadakan lawatan kerja setengah hari di Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Imam Eksekutif Masjid Sri Sendayan, Ustaz Ahmad Naim Azlan, Projek Manager Masjid Sri Sendayan dan Maintenance Eksekutif. Tujuan lawatan kerja ke Masjid Sri Sendayan adalah untuk melihat keunikan hasil senibina masjid dan juga ingin mengetahui dari segi aspek sistem elektrikal dan mekanikal yang digunakan untuk Masjid Sri Sendayan.

Hasil dari lawatan tersebut, rombongan telah diberi sedikit penerangan dan maklumat mengenai Masjid Sri Sendayan termasuk lawatan ke Dewan Solat Utama, Dewan Solat Kedua, Dewan Solat Wanita, Bilik Kawalan dan sekitaran kawasan masjid. Masjid Sri Sendayan turut dilengkapi dengan bilik kuliah, perpustakaan,dewan serba guna, bilik pengurusan jenazah, bangunan pentadbiran, dewan makan, serta 6 unit rumah sebagai kediaman petugas masjid.

Lawatan ini juga meliputi agenda bagi sesi perbincangan dan bertukar-tukar maklumat mengenai isu semasa masjid-masjid di Putrajaya. Di kesempatan ini, pihak rombongan telah mengadakan solat jemaah bersama-sama dengan khariah Masjid Sri Sendayan.



# LAWATAN TEKNIKAL KE ALLIANCE PRECAST INDUSTRIES SDN BHD (API) ULU YAM, SELANGOR.

LAWATAN



Pada 22 Januari 2020 Unit Pengurusan Strategik & Intervensi (UPSi) telah menganjurkan satu lawatan ke kilang pembekal produk konkrit (precast) Alliance Precast Industries Sdn Bhd (API) bertempat di Ulu Yam, Selangor.

Alliance Precast Industries Sdn Bhd (API) telah menjadi jenama produk konkrit di dalam industri infrastruktur dan bangunan Malaysia sejak tahun 2000. Antara perkembangan berprestijnya termasuk KLCC, KLIA 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Padang Besar ke Projek Jejambat Double Ipoh, Stesen MRT dan banyak lagi.

Matlamat utama lawatan ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat cara dan kaedah pembuatan produk konkrit antaranya prestressed concrete beam, concrete parapet wall, u-shape L-shape drain, box culvert, API Pipeplus™ Vertical Cast R.C.Pipes, reinforced concrete pipes (VC Pipes), concrete man-hole, jersey barrier, API large diameter pipe dan concrete spun pipe lawatan ini mampu meningkatkan kefahaman serta pengetahuan pegawai dalam operasi pemasangan dan penyenggaraan produk ini.

Seramai 24 orang pegawai yang menyertai lawatan ini dan berpeluang memperolehi ilmu yang dikongsi oleh Manager Mr Sebastiane Chua. Para pegawai dibawa melawat sekitar kawasan kilang untuk melihat sendiri proses pembuatan bahan binaan konkrit tersebut.

JANUARI

FEBRUARI

PKP 1.0 / MAC

PKP 1.0 / APRIL

PKPB / MEI

JUN

JULAI

OGOS

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

JANUARI

**FEBRUARI**

MAC \ PKP 1.0

APRIL \ PKP 1.0

MEI \ PKPB

JUN

JULAI

Ogos

SEPTEMBER

OKTOBER

NOVEMBER

DISEMBER

Pada 7 Februari 2020, Bahagian Senggara Zon 3 JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya serta kerjasama dari kontraktor FM Masjid Putra telah mengadakan lawatan kerja ke AdvanLED, kilang pembuatan lampu Light Emitting Diode (LED) yang bertempat di Negeri Melaka. Lawatan yang telah disertai seramai 25 orang tersebut telah diketuai oleh Jurutera Elektrik Penguasa Kanan (JEPK) iaitu En. Asha'ari bin Hj.Hasan. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Pegawai Eksekutif AdvanLED, Sale Manager AdvanLED dan Main tenance Eksekutif. Tujuan lawatan kerja ke kilang AdvanLED adalah untuk melihat pemasangan dan pembuatan lampu-lampu LED serta mengkaji harga pasaran lampu-lampu LED sambil meneliti spesifikasi lampu yang terbaru.

Di dalam lawatan itu, rombongan telah diberi sedikit penerangan dan maklumat mengenai lampu-lampu terbaru yang mereka pasarkan berserta lampu-lampu yang telah dinaiktaraf dari segi spesifikasi dan katahanan hayat lampu. Pihak rombongan juga telah dibawa oleh staf AdvanLED ke makmal pemasangan lampu dimana pihak rombongan didedahkan dengan pemasangan lampu dari pembuatan litar lampu sehingga siap dipasang dan diuji serta memberi penerangan terhadap keselamatan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan untuk lampu tersebut.

Hasil dari lawatan, terdapat juga sesi perbincangan dan soal jawab maklumat mengenai isu-isu berbangkit seperti kerosakan dan tempoh penggunaan lampu di bangunan-bangunan kerajaan di Putrajaya.





Pada tarikh 3hb Mac 2020, Selasa, JKR WP Putrajaya telah menerima lawatan teknikal daripada pihak pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. Perjumpaan ini berlangsung dari jam 2.30 petang sehingga 5.00 petang, bertempat di Bilik Persidangan Ziyad ibn Abih, JKR WP Putrajaya. Program ini telah dipengerusikan oleh Y.Brs. Ir. Ibtisham Bin L Saleh selaku Timbalan Pengarah JKR WP Putrajaya, melibatkan 10 orang pegawai JKR WP Putrajaya dan 5 orang wakil pegawai dari UTM.

Lawatan teknikal ini diadakan bagi tujuan perkongsian ilmu serta mendapatkan khidmat nasihat daripada JKR WP Putrajaya dalam menguruskan kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan bangunan UTM sedia ada.

Semoga dengan terlaksananya lawatan teknikal ini, kerjasama diantara kedua-dua pihak akan berterusan pada masa akan datang.



- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB**
- JUN
- JULAI
- OGOS
- SEPTEMBER
- OKTOBER
- NOVEMBER
- DISEMBER

Pada 1 Mei 2020 Ir. Dato Habbali bin Ibrahim, Pengarah JKR WP Putrajaya bersama kakitangan Bahagian Senggara Kuarters dan wakil pihak BPH telah turun padang jam 10.00 pagi bagi melawat mangsa rumah kuarters Kerajaan di Presint 9 yang ditimpa pokok tumbang akibat ribut yang melanda sekitar Putrajaya kelmarin. Kerja-kerja pembersihan dan pengalihan pokok tumbang yang menimpa rumah tersebut juga sedang dilakukan oleh wakil pihak Perbadanan Putrajaya.

JKR WP Putrajaya sedia bekerjasama dengan pihak BPH untuk mengambil tindakan segera dalam pembaikan kerosakan rumah kuarters tersebut serta mensyorkan kepada wakil BPH yang hadir agar mangsa sebaiknya dapat diantarkan dengan rumah kuarters kosong yang ada berhampiran bagi memudahkan mangsa berpindah dan kerja-kerja baik pulih kerosakan rumah dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

Salam takziah diucapkan kepada mangsa dalam masa tempoh PKP di bulan Ramdhan ini ditimpa musibah yang tidak dijangka. Semoga apa yang berlaku ada hikmah dan kebaikan disebaliknya.



# **4. ANUGERAH**

- JANUARI
- FEBRUARI
- MAC \ PKP 1.0
- APRIL \ PKP 1.0
- MEI \ PKPB
- JUN
- JULAI
- OGOS
- SEPTEMBER
- OKTOBER
- NOVEMBER**
- DISEMBER

Telah diadakan ISO 9001:2015 Surveillance Audit oleh SIRIM pada 12 hingga 13 November 2020 melibatkan kontrak senggara yang dipilih oleh pihak SIRIM sebagai rujukan iaitu bangunan lot 4G8 dan Kompleks C serta turut diaudit sama pengurusan pejabat Jabatan. Alhamdulillah keputusan audit zero "0" Non Conformance Report (NCR) dalam masa yang sama JKR WP Putrajaya telah berjaya menambah skop senggara dalam sijil, doakan JKR WP Putrajaya dapat terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang.





Telah berlangsung pengumuman pemenang Konvensyen KIK JKR Malaysia tahun 2020 diadakan secara maya menerusi channel youtube pihak CREaTE JKR pada 30hb November 2020.

Objektif KIK adalah memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JKR yang terlibat dalam KIK dalam memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif, penjanaan lebih banyak idea-idea baharu dalam kalangan warga JKR serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan juga masyarakat. Tema tahun ini "Are You Innovative Enough?" sebanyak 5 Kategori yang dipertandingkan antaranya kategori teknikal, kategori pengurusan, kategori poster terbaik, kategori pembentangan video terbaik dan juga kategori gambar boomerang terbaik serta bonus kategori penyertaan terbanyak. Sebanyak 36 kumpulan yang menyertai Konvensyen KIK JKR Malaysia tahun ini iaitu 25 kumpulan daripada teknikal dan 11 kumpulan lagi daripada pengurusan.

Tahniah buat kumpulan MeRIDA dengan hasil inovasi Sistem Pengurusan Operasi Kuarters (SP-OK) telah berjaya memenangi Naib Johan Kategori Pengurusan dan juga turut memenangi Video Boomerang Terbaik Kategori Pengurusan.

Semoga inovasi ini terus mendapat pengiktirafan dan usaha kerjasama kumpulan MeRIDA menjadi pemangkin kepada warga kerja JKR khususnya JKR WP Putrajaya untuk menghasilkan lebih banyak inovasi kreatif bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Tahniah diucapkan buat MeRIDA.





# JENTERA

---

## JABATAN KERJA RAYA



# PENGGERAK

---

W.P. PUTRAJAYA



Hak cipta & hak milik



JABATAN KERJA RAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

